



**UNIT PERANCANG EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN MEDIA**

**SESI LIBAT URUS PASCA RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12)  
BERSAMA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**PUTRAJAYA 22 Oktober 2021** - Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Kerajaan Negeri Perlis hari ini telah mengadakan Sesi Libat Urus Pasca Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) secara dalam talian.

Sesi Libat Urus telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat YAB Dato' Seri Azlan Bin Man bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Sesi ini bertujuan membuat hebahan mengenai dasar, strategi dan inisiatif RMKe-12 kepada semua pihak berkepentingan di peringkat negeri.

RMKe-12 dijajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan serta mengambil kira semangat Keluarga Malaysia. Kerajaan mengambil pendekatan keseluruhan negara, atau *whole-of-nation approach* yang melibatkan seluruh jentera dan agensi kerajaan, industri serta masyarakat dalam melaksanakan pembaharuan.

Dalam RMKe-12 ini, pelbagai usaha telah dirancang untuk merancakkan ekonomi Perlis dengan memanfaatkan kelebihan dan peluang sedia ada. Kerajaan komited untuk melaksanakan beberapa projek infrastruktur dalam tempoh RMKe-12 bagi mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di negeri Perlis.

Kerajaan juga komited untuk menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan projek berimpak tinggi, sekurang-kurangnya 50% daripada peruntukan pembangunan pembangunan asas (DE Asas) akan diperuntukkan kepada enam negeri iaitu di Perlis, Kelantan, Kedah, Sabah, Sarawak dan Terengganu bagi tujuan meningkatkan ketersambungan dan akses yang lebih baik kepada infrastruktur asas, ameniti dan perkhidmatan.

**UNTUK SIARAN SEGERA**

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah YB Tuan Azman Bin Mohd Yusof, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Dato' Saiful Anuar Bin Lebai Hussen Ketua Pengarah EPU, JPM, Pengarah-pengarah EPU, JPM serta Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Perlis dan Jabatan Persekutuan di Perlis.

**TAMAT**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**UNIT PERANCANG EKONOMI**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**22 OKTOBER 2021**